

BAB 1

Ustaz Che Muzdi bin Awang; Tinjauan Awal Ketokohan dan Kaedah Pengajaran Tarannum

Ahmad Shafiq Mat Razali¹, Wan Hilmi Wan Abdullah², Wan Fakhrul Razi Wan Mohamad¹
Wan Nasyrudin Wan Abdullah²

¹ Pensyarah di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor,

² Pensyarah Fakulti Pengajian Islam, UKM

PENDAHULUAN

Perkembangan ilmu di Negeri Kelantan merupakan salah satu punca berkembangnya seni tarannum al-Quran di Malaysia (Wan Fakhrul Razi; 2008). Kemudian perkembangan semakin pesat apabila berlakunya campur tangan pihak istana dan adat istiadat melayu negeri Kelantan yang mengambil berat tentang ilmu tarannum al-Quran. Baginda telah menjadikan istana dan kediaman rasmi diraja sebagai tempat untuk memperdengarkan bacaan al-Quran sehingga lahirlah gelaran-gelaran dalam kalangan masyarakat di Kelantan dengan panggilan “Qari Diraja” atau “Qari Sultan” (Siti Norfariza 2014. Ahmad Shafiq 2015).

Rentetan itu, masyarakat Kelantan turut terpanggil dengan menjemput qari-qari bagi memperdengarkan bacaan al-Quran dalam majlis keagamaan seperti majlis khatam Al-Quran, haflah al-Quran, merisik, perkahwinan, aqiqah, tahlil arwah, dan naik rumah baharu. Peranan besar yang dimainkan oleh institusi beraja negeri Kelantan amat mempengaruhi perkembangan tarannum (Ahmad Shafiq et. al 2020). Umum mengetahui bahawa suatu ketika dahulu, masyarakat amat memandang tinggi kepada institusi beraja dan segala amalan yang dilakukan mudah diikuti oleh rakyat jelata. Walaubagaimanapun, perkembangan tarannum ketika itu masih tidak menyeluruh dan serancak sebagaimana sekarang, memandangkan kesedaran masyarakat terhadap penggunaan media elektronik masih rendah. Perkembangan seni tarannum al-Quran ketika itu adalah secara tradisional sahaja dipengaruhi dengan kepulangan tokoh-tokoh agama yang belajar di tanah arab seperti Mesir, Mekah dan Madinah.

Oleh itu, penulisan ini mengkaji tentang ketokohan dan kaedah pengajaran seni tarannum al-Quran yang diterapkan Ustaz Che Muzdi Awang sebagai salah seorang daripada tokoh-tokoh taranum di Negeri Kelantan yang sememangnya banyak menyumbang kepada perkembangan ilmu seni tarannum al-Quran.

LATAR BELAKANG

Ustaz Che Muzdi bin Awang dilahirkan di kampung Bendang Raja di daerah Narathiwat, berdekatan dengan sebuah kota raja lama di Wilayah Selatan Thailand pada 24 Januari 1953. Beliau kemudiannya dibesarkan di Kampung Resak, di Wilayah Narathiwat, Selatan Thailand iaitu tempat kelahiran ayahandanya. Ustaz Muzdi merupakan anak sulong dari sembilan orang adik beradik (Nur Hanani 2021). Pada 12 Jun 2009, sekembalinya dari menghakimi Majlis Tilawah al-Quran

Peringkat Negeri Kelantan, beliau menghembuskan nafas terakhir akibat komplikasi serangan jantung. Allahyarham disemadikan di tanah perkuburan Dusun Nyor, bersebelahan dengan Pondok Tuan Guru haji Abdul Ghani di kampung Kubang Bemban, Pasir Mas Kelantan (Nur Hanani 2021).

PENDIDIKAN

Pendidikan Ustaz Muzdi bermula seawal usia 10 tahun di Selatan Thailand secara tidak formal. Ketika usia menginjak 15 tahun, beliau dihantar oleh ayahandanya ke Malaysia untuk menyambung pengajian di negeri Kelantan yang terkenal sebagai pusat pengajian ilmu agama. Di Kelantan, beliau dihantar oleh ayahandanya bagi mendalami dan mempelajari bidang agama di Pondok Lubuk Tapah yang diasaskan oleh Tuan Guru Haji Abdul Rahman.

Pada tahun 1972, beliau menyambung pengajian secara formal iaitu tingkatan 5 di Maktab Pengajian Islam di Kota Bharu Kelantan sehingga tamat di tingkatan 6 bawah. Pada tahun 1975 hingga tahun 1980, beliau telah melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi di Yayasan Pengajian Tinggi Nilam Puri dalam bidang Ijazah Syariah Undang-undang, kini dikenali sebagai Universiti Malaya.

GURU – GURU

Sejak kecil lagi Ustaz Che Muzdi terkenal dengan sifat seorang yang mempunyai prinsip hidup dan gigih berusaha dalam apa juar yang dipelajari. Ketika mengikuti kelas-kelas pengajian al-Quran di Pondok Lubuk Tapah, Tuan Guru Haji Abdul Rahman mula melihat kecenderungan beliau yang amat meminati bidang al-Quran khususnya tarannum (Nur Hanani 2021).

Pada peringkat awal, Tuan Guru Haji Abdul Rahman mendapati beliau suka melaungkan azan di masjid apatah lagi suara yang dimiliki oleh beliau mempunyai keunikian tersendiri. Lantaran itu, beliau telah dihantar ke pondok Tuan Guru Haji Abdul Ghani bagi memperkemaskan bacaan al-Quran beliau memandangkan berhampiran dengan pondok tersebut terdapat seorang tokoh yang masyhur dalam bidang al-Quran iaitu Ustaz Nik Ja'afar. Beliau telah dianggap sebagai “anak angkat” oleh Ustaz Nik Jaafar memandangkan keakraban hubungan pergaulan sesama mereka (Nik Ja'far 2018). Disamping itu, beliau turut berguru dengan Haji Che Musa bin Mahmud atau terkenal dengan gelajar Musa “tukang lagu” iaitu ayahanda kepada Haji Hassan bin Musa (Hasan Musa 2019). Ketika itu, kelas tarannum diajar di surau Lemal, di Daerah Pasir Mas Kelantan.

Disamping itu juga, beliau turut berkesempatan bertalaqqi dengan Haji Ahmad Matsom Pergau atau lebih dikenali dengan panggilan “Tok Pergau” kerana beliau berasal dari Kampung Lubuk Bongor, Pergau daerah Jeli Kelantan (Kamilah 2020). Pengalaman beliau bertalaqqi dengan Haji Matsom Pergau yang amat membantu memahirkan beliau untuk menguasai bidang tarannum berlahjah arabiyyah disamping mahir dalam bidang tajwid dan fasohah mengikut gaya kearaban. Pada waktu itu kelas tersebut dikendalikan di Surau Jamiyyah, surau pondok Tuan Guru Haji Abdul Ghani dan di Masjid Pengkalan Chepa, Kota Bharu.

Beliau juga sering mengikuti kelas tarannum bersama bekas-bekas qari-qari tersohor seperti Haji Abdullah Hijazi, Haji Abdul Majid Awang, Haji Che Musa bin Mahmud, Haji Hassan bin Musa dan Haji Muhammad Yusuf Kedondong (Kamilah 2020). Kesanggupan dan kegigihan beliau

secara istiqamah berulang-alik dari Nilam Puri ke Pasir Mas Kelantan setiap minggu berbasikal bagi mendalami ilmu seni tarannum al-Quran.

KERJAYA

Menurut Nur Hanani (2021), setelah tamat pengajian peringkat ijazah syariah di Kolej Islam Malaya pada tahun 1980, beliau mulai bertugas sebagai guru agama di Madrasah Ismailiyah Cabang Empat, Tumpat Kelantan. Sejak pertama kali bertugas, beliau telah diamanahkan mengendalikan kelas-kelas dan aktiviti berkaitan pengajaran dan pembelajaran al-Quran. Dalam masa yang sama beliau turut dilantik sebagai penyelaras al-Quran bagi peperiksaan Sijil Menengah Ugama (SMU) dan ahli mesyuarat matapelajaran al-Quran di Yayasan Islam Kelantan (YIK).

SUMBANGAN

Ustaz Che Muzdi merupakan salah seorang tokoh al-Quran yang amat berpengaruh suatu ketika dahulu di Pasir Mas Kelantan. Sumbangan dan peranan beliau memainkan peranan penting dalam perkembangan seni tarannum al-Quran di Negeri Kelantan, malahan beliau adalah antara pencetus bakat-bakat baru dalam kalangan anak muda di Negeri Kelantan. Berikut merupakan sumbangan beliau dalam menyebarkan ilmu al-Quran :

Menjadi Hakim Tilawah al-Quran.

Sumbangan Ustaz Muzdi dalam perkembangan seni tarannum al-Quran di Negeri Kelantan amatlah besar. Kepakaran dan pengalaman beliau dalam bidang al-Quran telah diberi kepercayaan dan amanah sebagai hakim tilawah al-Quran peringkat sekolah-sekolah, jajahan dan negeri Kelantan. Disamping itu, Ustaz Muzdi turut dijemput sebagai panel kursus tahsin al-Quran bagi qari dan qariah peringkat negeri Kelantan, dan Terengganu pada 2002 sehingga tahun 2009. Selain itu, Ustaz Muzdi juga telah diberi amanah sebagai hakim Majlis Tilawah al-Quran peringkat negeri Kelantan sejak tahun 2000 lagi (Nur Hanani 2021).

Penubuhan Jam'iyyah al-Quran

Atas dasar kesedaran akan kepentingan menyebarkan luaskan ilmu seni tarannum al-Quran, Ustaz Muzdi telah mengambil inisiatif sendiri dengan menubuhkan persatuan yang diberi nama sebagai "Jam'iyyah al-Quran" di tempat beliau bertugas (Nur Hanani 2021). Melalui penubuhan persatuan ini telah menyebabkan penyebaran ilmu seni tarannum semakin aktif di Pasir Mas Kelantan. Pelbagai aktiviti yang telah dilaksanakan iaitu, bengkel pemantapan tarannum al-Quran dengan cara menempatkan peserta-peserta mengikut peringkat kemahiran masing-masing. Disamping itu, persatuan tersebut juga turut menganjurkan kursus tarannum al-Quran kepada bakal-bakal pelapis seni tarannum al-Quran dengan dihadiri oleh himpunan qari qariah johan diperingkat antarabangsa.

Melahirkan Pelapis Tarannum al-Quran Negeri Kelantan.

Cetusan aktiviti dan penubuhan persatuan tersebut telah melahirkan ramai generasi al-Quran yang telah bertebaran ke seluruh Malaysia. Antaranya ialah, Ustaz Rafee Ghali Abbas, Ustaz Zainul Anuar, Tuan Haji Mohammad bin Musa, Ustaz Sabri bin Yunus, Hajjah Tuan Zainah bin Tuan

Chik (Mohammad Raffe 2021), Ustaz Mohd Nazir Abdul Rahman, Ustaz Mohd Sakri Yusuff, Ahmad Najib Nasuruddin, Mohd Shauqi Hasbullah (Hassan 2021), dan lain-lain lagi. Kesemua anak didiknya pernah berada di arena tilawah al-Quran hasil dari tunjuk ajar dan didikan beliau.

Mengajar Al-Quran Di Madrasah Muhammadiyah dan Surau Jamiyyah

Pada tahun 1990-an, Ustaz Che Muzdi aktif menyampaikan pengajaran seni tarannum al-Quran, tajwid, serta fasahah di Pasir Mas Kelantan. Selain daripada di kediaman beliau sendiri, Ustaz Muzdi turut aktif mengajar al-Quran di Masrasah Muhammadiyah, Pondok Tuan Guru Haji Abdul Ghani Kubang Bemban, Jalan Meranti daerah Pasir Mas Kelantan yang terletak berhadapan dengan kediaman beliau (Mohamad Raffe 2021 dan Hassan 2021). Madrasah tersebut adalah hasil ilham dari pengasas pondok tersebut iaitu Tuan Guru Haji Abdul Ghani. Namun begitu, surau tersebut juga dikenali oleh penduduk kampung di situ dengan nama Surau Pondok Kubang Bemban (Nur Hanani 2021). Surau tersebut telah melahirkan tokoh al-Quran dan tarannum yang ramai).

Sehingga kini, surau tersebut masih lagi aktif dengan kelas-kelas agama mahupun kelas al-Quran yang dikendalikan oleh anak arwah iaitu Ustaz Haji Ahmad bin Haji Abdul Ghani. Berdekatan dengan surau tersebut, terdapat sebuah rumah yang merupakan kediaman Ustaz Che Muzdi yang kali pertama didirikan beliau sebelum berpindah ke kediaman baru tidak jauh dari surau tersebut.

Pelbagai murid yang datang menuntut ilmu dengan beliau sehingga setiap minggu khususnya pada hari rabu malam khamis. Antaranya qari-qariah yang ingin menyertai pertandingan tilawah al-Quran peringkat daerah, negeri, kebangsaan mahupun peringkat antarabangsa.

KAEDAH PENGAJARAN TARANNUM AL-QURAN

Ustaz Che Muzdi bin Awang merupakan salah seorang pemberi kursus-kursus *tahsin* tarannum, hakim tilawah al-Quran peringkat negeri Kelantan dan fasilitator setiap kursus *tahsin* bacaan al-Quran yang bertempat di Balai Islam Kota Bharu semenjak dari tahun 2000 hingga kini.

Beliau juga telah mengambil inisiatif dengan mengadakan kelas tarannum di kediamannya bersendirian, bertujuan untuk membangun dan mengembangkan ilmu al-Quran dalam kalangan masyarakat setempat khususnya di Negeri Kelantan. Selain itu, beliau juga sering menerima undangan sebagai penceramah dan jurulatih tarannum sama ada dalam Negeri Kelantan dan negeri-negeri di semenanjung Malaysia.

Gaya pengajaran Ustaz Che Muzdi bin Awang ketika mengajar tarannum al-Quran lebih mengutamakan susunan kaedah bacaan yang mengutamakan ciri-ciri *berlahjah arabiyah* dan tarannum yang lebih santai. Kaedahnya tidak terikat dengan satu *uslub* sahaja bagi memudahkan qari dan qariah yang *bertalaqqi* untuk mengusai ilmu tarannum dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Menurut Mohamad Rafee (2021) yang merupakan antara murid Ustaz Che Muzdi mengatakan bahawa Ustaz Che Muzdi mempunyai seni bacaan yang tersendiri dan sangat berlainan daripada gaya bacaan oleh qari-qari yang ada di Malaysia. Pengajaran dan pembelajaran beliau dalam tarannum masih lagi menggunakan kaedah *talaqqi* dan *musyafahah* dengan memberi contoh-contoh bacaan untuk diikuti oleh pelajar beliau (Hasan Musa 2018, Kamilah 2020, Mohamad Raffe 2021

dan Hassan 2021). Contoh-contoh tersebut dipelbagaikan versi dan gaya sebagai menambah koleksi seni dan kaedah bacaan bagi menyesuaikan dengan kebolehan pelajar yang berbeza. Beliau menjadikan bacaan Sheikh Mustafa Ismail dan Sheikh Dr. Ahmed Nuaina sebagai rujukan ketika membaca al-Quran (Mohamad Raffe 2021).

Tambahan lagi, bacaan Ustaz Che Muzdi juga mengikut kaedah seni bacaan Arab Mesir. Bacaan tersebut telah mempengaruhi bacaan beliau kerana beliau banyak meniru gaya bacaan Sheikh Mustafa Isma'il, Sheikh Dr. Ahmed Nuaina hampir setiap waktu (Nur Hanani 2021). Faktor tersebut telah mempengaruhi bacaan, seni lagu dan gaya kearaban dalam bacaan. Cara-cara bacaan ini telah diterjemahkan beliau untuk menyesuaikan dengan sifat suaranya supaya lebih sesuai dan tepat dengan gaya bacaan qari-qari arab.

Menurut Hasan (2021) yang merupakan murid kepada Ustaz Che Muzdi, bahawa *uslub* bacaan Ustaz Che Muzdi amat sesuai dan mudah difahami oleh mana-mana pelajar yang bertalaqqi dengan beliau. Justeru, ramai dalam kalangan pelapis-pelapis baru mahupun qari yang sudah mahir bertarannum turut sama bertalaqqi dengan beliau. Teknik-teknik yang diguna pakai oleh beliau adalah *talaqqi* dan *musyafahah* yang dibahagikan kepada beberapa kumpulan-kumpulan kecil. Setiap kelas yang diajar oleh beliau diwajibkan membaca dengan asas tarannum terlebih dahulu iaitu semua pelajar mesti mantap terlebih dahulu penguasaan tarannum Bayyati dan Nahwand.

Bagi murid yang masih peringkat asas tarannum al-Quran, pengamatan pengkaji pada metodologi pengajaran Ustaz Che Muzdi mempunyai keistimewaan tersendiri iaitu tumpuan kepada bacaan berdasarkan sistem harakat dan rangkap lagu yang telah disusun contoh-contoh tarannum. Kaedah pengajaran ini membantu murid-murid supaya lebih mudah mengenal lagu-lagu al-Quran dan membantu menyesuaikan tarannum pada mana-mana ayat al-Quran (Mohamad Raffe 2021). Tambahan lagi, pengajaran beliau dilihat berbeza kepada murid-murid yang telah menguasai ilmu tarannum. Beliau tidak lagi memfokuskan kepada kaedah harakat-harakat tersebut tetapi lebih mempraktikkan kepada teknik yang lebih luas yang menjadi amalan dalam bacaan qari-qari timur tengah (Mohamad Raffe 2021 dan Hasan 2021)

Keberkesanan kaedah bacaan yang diguna pakai oleh Ustaz Che Muzdi adalah menggunakan panduan bacaan-bacaan qari-qari dari Mesir seperti Sheikh Mustafa Isma'il, Sheikh Dr. Ahmad Nuina dan Sheikh Shahat Anwar (Mohamad Raffe 2021 dan Nur Hanani 2021). Tambahan lagi, setiap hari dan waktu beliau akan mewajibkan dirinya mendengar bacaan ayat suci al-Quran dari qari-qari Mesir terutamanya dari Sheikh Mustafa Ismail melalui rakaman pita rakaman dan kaset walaupun pada waktu itu, kesukaran untuk mendapatkan bahan-bahan rakaman amatlah terhad. Beliau kemudian membuat kajian serta menganalisis bagi menyesuaikan ilmu yang diperolehi dari bacaan qari-qari tersebut dan kemudian diselaraskan mengikut aras dan tahap kemahiran murid-murid beliau.

Kaedah pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan semasa proses pengajaran dan pembelajaran kepada murid-murid beliau, dapatlah disimpulkan seperti berikut:

- i.Proses penyebutan huruf cermat dan meyakinkan supaya tajwid dan sifat huruf al-Quran tidak rosak.
- ii.Kemahiran menguasai teknik-teknik suara seperti *burdah-burdah* (bunga-bunga) asli dan *sina'ie* seperti bunga suara halus, kecil, kasar, cepat, jarang, banyak, berkelompok, meletup dan menegak.
- iii.Mementingkan bunga-bunga suara yang digubah oleh Qari mengikut burdah-burdah qari-qari Mesir yang muktabar dan diiktiraf.

- iv. Mengaplikasikan kaedah *sulalim nazil* dan *su'ud* (suara menurun dan menaik) bagi memastikan bacaan al-Quran hidup dengan fungsi-fungsi suara dimaksimumkan penggunaan dalam bacaan al-Quran
- v. Sebelum pengajaran bermula, setiap murid akan diajar dengan asas penguasaan suara gaya kearaban terlebih dahulu.
- vi. Setiap alunan ayat al-Quran disusun supaya dipenuhi dengan burdah-burdah lagu yang bersesuaian dengan kehendak ayat al-Quran.
- vii. Kepentingan dan penekanan kepada gubahan tarannum yang sesuai dengan maksud ayat.
- viii. Menekan kepada unsur-unsur kepelbagaian suara seperti *wuslah*, *qit'ah*, *mabattah*, *ikhtilal al-lahn* dan *takrir* lagu sekiranya bersesuaian dengan kehendak maksud ayat al-Quran.
- ix. Cermat dalam menjaga hukum tajwid berpandukan *wakaf* dan *ibtida*.
- x. Memastikan setiap murid yang diajar beliau mahir asas-asas tarannum bayyati dan rast terlebih dahulu sebelum berpindah kepada tarannum lain.
- xi. Sesi pengajaran akan dimulakan dengan syarahan secara teori terlebih dahulu disusuli dengan contoh-contoh dari ayat al-Quran.

KESIMPULAN

Ustaz Che Muzdi adalah salah seorang tokoh al-Quran yang disegani dan masyhur pada satu ketika dahulu. Sumbangan dan jasa beliau amat banyak kepada masyarakat di Pasir Mas Kelantan. Beliau telah melahirkan ramai tokoh al-Quran di negeri Kelantan yang telah tersebar ke serata Malaysia yang tidak boleh dipertikai lagi.

RUJUKAN

- Ahmad Shafiq Mat Razali, Wan Hilmi Wan Abdullah, Wan Fakhrul Razi Wan Mohammad & Wan Nasyrudin Wan Abdullah. 2020. *Ketokohan dan Sumbangan Johan-johan Qari Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa Malaysia di Malaysia dari Tahun 1961-1995*. Jurnal al-Turath; Vol. 5, No. 2; 2020 e-ISSN 0128-0899 38.
- Ahmad Shafiq Mat Razali. 2015. *Bacaan Berlahjab Arabiyah Dalam Kalangan Johan Qari dan Qariah Peringkat Kebangsaan Malaysia*. Bangi; Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Shafiq Mat Razali, Wan Hilmi Wan Abdullah, Wan Nasyruddin Wan Abdullah, Shahidan Ahmad dan Mohamad Fuad Ishak. 2014. Implikasi Ketokohan Qari-Qari Tanah Melayu Terhadap Kewujudan Program Tarannum Di Malaysia: Satu Tinjauan. Jurnal Pendidikan Bil 1 (2) 2014. <https://ejurnalfp.files.wordpress.com/2015/02/>
- Dato' Paduka Ustaz Nik Jaafar Nik Ismail. (2018, April 28). *Pengajaran Formal Ustaz Muzdi bin Awang*. (Interview)
- Haji Hasan Musa. (2018, April 27). *Kelebihan Bacaan Ustaz Muzdi bin Awang*. (Interview)
- Najmiah Omar. 2017. Pengajaran Tarannum al-Quran di Terengganu Dari Tahun 1960-2013: Kajian Terhadap Metodologi Pengajaran Rogayah Binti Sulong. Kuala Lumpur; Universiti Malaya.
- Najmiah Omar & Zulkifli@Md Yaakub Mohd Yusuf. 2016. Perkembangan Pengajaran Tarannum a-Quran di Terengganu Pada Zaman Pra-Merdeka Sehingga Tahun 2014. Hlm.108-109. Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari Unisza. Vol.13.
- Nur Hanani bin Che Muzdi. (2021, Mac 5). *Sejarah Pengajaran Ustaz Muzdi Bin Awang*. (Interview)
- Ustazah Kamilah Abdul Rahman. (2020, Januari 23). *Metodologi Pengajaran dan Pembelajaran Ustaz Muzdi Bin Awang*. (Interview)

- Ustaz Mohamad Raffe bin Ghalil Abbas. (2021, Mac 5). Sumbangan *Ustaz Muzdi Bin Awang. Dalam Bidang Tarannum.* (Interview)
- Ustaz Hassan As-Syukri. (2021, Mac 7) Sumbangan *Ustaz Muzdi Bin Awang. Dalam Bidang Tarannum.* (Interview)
- Wan Fakhrul Razi. 2008. Haji Ahmad bin Mat Som Pergau dan sumbangannya dalam pengajian tarannum di Kelantan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Wan Hilmi Wan Abdullah. 2014. [Pengaruh Tarannum Qari-Qari Mesir Terhadap Qari-qari di Malaysia](#). Bangi; Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wan Hilmi Wan Abdullah dan Ahmad Junaidi Che Ariffin. 2018. Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Tarannum Haji Yahaya bin Daud: Analisis Kajian Awal. Seminar Serantau Peradaban Islam 2018 Institut Islam Hadhari, UKM: 14-15 November 2018.
- Wan Hilmi Wan Abdullah dan Mahyudin Daud. 2018. [Ketokohan Sheikh Mustafa Ismail dan Sumbangannya dalam Dunia Tilawah Al-Quran Secara Bertarannum](#). albasirahjournal 8 (2), 89-97